

UMS tubuh unit SPOR

» *Bantu Sabah jadi pengeluar utama sawit*

Oleh **Amin Ridzuan Ishak**

aminridzuan@bharian.com.my

BH 06 08 2012 4

► Kota Kinabalu

Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menubuhkan Unit Penyelidikan Minyak Sawit Lestari (SPOR) bagi membantu negeri ini menjadi pengeluar utama sawit peringkat negara dan antarabangsa.

Naib Canselornya, Prof Mohd Harun Abdullah, berkata unit berkenaan akan ditubuhkan bersama Industri Sawit Malaysia bagi menerajui penyelidikan berasaskan sifat kelestarian dengan kerjasama syarikat milik kerajaan Sabah, Sawit Kinabalu Sdn Bhd (Sawit Kinabalu).

Beri lebih penekanan terhadap penyelidikan secara lestari

Berbanding institusi penyelidikan kelapa sawit lain, katanya, SPOR memberi lebih penekanan terhadap penyelidikan secara lestari dan menyeluruh, bermula daripada peringkat penanaman hingga isu alam sekitar.

“SPOR juga akan mengagunkan tenaga pakar dalam pelbagai bidang di UMS melalui usaha bersepadu untuk menjalankan penyelidikan mesra alam.

“Unit ini turut menggunakan sumber kepelbagaian biodiversiti di kepulauan Borneo untuk membantu menyelesaikan pelbagai masalah dalam kawalan penyakit Ganoderma,” katanya pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UMS dengan Sawit Kinabalu di sini, malam kelmarin.

UMS diwakili Prof Mohd Harun manakala Sawit Kinabalu



Musa (tengah) menyaksikan pertukaran **memorandum antara UMS dengan Sawit Kinabalu**, kelmarin.

[FOTO MALAI ROSMAH TUAH/BH]

diwakili Pengarah Urusannya, Othman Walat dengan majlis disaksikan Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, yang juga Pengerusi Sawit Kinabalu.

Yakin beri kesan positif

Prof Mohd Harun berkata, UMS yakin unit berkenaan mampu memberi kesan positif ke arah meningkatkan tahap penyelidikan kelapa sawit di negeri ini setanding insti-

tusi penyelidikan lain.

“Kajian yang bakal dijalankan bukan saja akan menyelesaikan pelbagai masalah tetapi turut mengambil kira kelestarian alam sekitar,” katanya.

Mengenai MoU dengan Sawit Kinabalu, beliau berharap ia dapat membuka lebih banyak peluang kerjasama pada masa depan dan tidak terhad kepada usaha penyelidikan.